



NAIB Presiden (Pentadbiran Akademik) AeU Profesor Mak Chai (kanan) menyerahkan sijil kepada Yeop Ali.

Majlis ilmu

■ AeU anjur seminar bentang hasil kajian pelajar

Oleh Hamizah Badirah

hamizah@hmetro.com.my

Dalam usaha merealisasikan Asia e University (AeU), sebagai sebuah universiti antarabangsa yang berdaya saing dalam menghasilkan kajian ilmiah, satu seminar berkenaan Hasil Kajian Pelajar dianjurkan dengan jayanya pada 17 Mei lalu.

Seminar satu hari bertempat di kampus utama AeU di Kuala Lumpur itu dirasmikan Timbalan Presiden AeU, Profesor Dr Hairudin Harun dan dihadiri hampir 150 peserta meliputi pelajar dan pemerhati dari seluruh pelosok negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Apa yang lebih menarik so-kongan ditunjuk pelajar dan pensyarah dari institut pengajian tinggi lain melalui penyertaan pada seminar berkenaan.

Kertas dibentangkan warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Selangor (UNISEL), Nilai University, Tunku Abdul Rahman University College (TARC) dan Institut Islam Hadhari, UKM.

Seorang peserta seminar pelajar Sarjana Pendidikan AeU, Chow Chee Kong, Jurutera dari Pulau Pinang membentangkan kertas bertajuk Penyelidikan kualitatif berkenaan pengajaran dan pembelajaran matematik melalui kaedah bermain secara sosiodramatik oleh kanak-kanak berumur 5 tahun di dalam suasana semula jadi.

Turut membentangkan laporan kajian berkenaan aspek pendidikan ialah Kalavathy Raman yang menumpukan kepada kajian Teori Beban Kognitif (CLT) berbanding kaedah pengajaran dan pembe-

lajaran konservatif.

Antara yang menitipkan maklum balas terhadap program itu mantan Pensyarah Kanan UNISEL, Ang Kwang Teo. Beliau yang kini pelajar program kedoktoran dalam Pentadbiran Perniagaan (DBA) di AeU, berpendapat seminar itu lebih daripada sekadar memberi manfaat secara langsung kepada pelajar.

Selain Chow dan Kalavathy, Yeop Ali Dobi turut membentangkan kertas penyelidikan berkenaan Khidmat Pelanggan di POS Malaysia.

Sepanjang lapan tahun beroperasi, AeU sudah menerima beberapa anugerah seperti Brand Laureate Awards pada 2010 untuk kategori Jenama Terbaik dalam Pendidikan – e-Pembelajaran dan Anugerah Keusahawanan Asia Pasifik 2010 di dalam kategori Usahawan Paling Berpotensi.

AeU juga melebarkan sayapnya ke negara ahli ACD seperti China, India, Pakistan, Sri Lanka, Kemboja, Vietnam, Myanmar, Indonesia, Singapura, Thailand, Arab Saudi, UAE, Bahrain, Bangladesh, Maldives serta ke negara-negara bukan ahli seperti Denmark, New Zealand, Hong Kong, Namibia, Kenya, Nigeria, Somalia, Yaman, Mauritius dan United Kingdom.

Terdapat tiga sesi pengambilan setiap tahun iaitu pada Januari, Mei dan September. Pendaftaran bagi program pasca siswazah (berasaskan penyelidikan) pengambilan dibuka sepanjang tahun. Maklumat lanjut sila hubungi 1-300-300-238 atau muhon secara dalam talian di www.aeu.edu.my.